

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2008/2009

April/Mei 2009

**YKT 111 – Teori dan Penyelidikan Komunikasi I**

Masa: 3 jam

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat bercetak.

Jawab **TIGA (3)** soalan. Soalan **SATU (1)** adalah wajib.

Setiap soalan bernilai 100 markah.

1. Jelaskan 4 daripada konsep/perspektif berikut:
  - i. Positivisme
  - ii. Empirisisme
  - iii. Behaviourisme
  - iv. Fungsionalisme
  - v. Hegemoni
  - vi. Ideologi
  - vii. *Base dan Superstructure*
  
2. Gitlin (1981) mendakwa bahawa penumpuan kajian semata-mata kepada kuasa media telah mengalihkan tumpuan ke atas soalan kritis tentang hubungan kuasa yang lebih luas. Ini disebabkan oleh komitmen intelektual dan ideologi seseorang pengkaji serta institusi yang mana pengkaji itu berkhidmat. Terangkan dakwaan Gitlin beserta dengan contoh.
  
3. Pengkaji yang meneliti sistem media di Malaysia tidak boleh mengasingkan analisis ini daripada sistem politik dan ekonomi. Bincangkan.
  
4. Media memainkan peranan penting dalam proses memodenkan negara membangun melalui usaha mengubah sikap rakyat. Nilaikan dengan kritis kenyataan ini.
  
5. Mustafa K. Anuar (1992) telah membincangkan dua bentuk kajian perkhidmatan iaitu kajian yang secara langsung berbentuk apologis bagi status quo dan kedua, kajian yang bercorak bebas dan kritis tetapi mempunyai kaedah *ahistorical* dan materialis yang bukan dialetik. Terangkan dua corak kajian ini beserta dengan contoh.